


MURNIZAM, Hayati (tujuh kiri) dan Nur Iman (lima kiri) bersama pemenang utama Pertandingan Bakat Hijab Styling.



NUR Iman (kanan) bersama juri yang mengadili pertandingan itu.

UMSKAL bantu bangunkan usahawan bumiputera Labuan

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut membantu pembangunan usahawan bumiputera tempatan dengan penganjuran 'Inspirasi Usahawan' sempena Sambutan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015 - RTM Labuan pada 14 November 2015.

Program yang diadakan di Bilik Kuliah, Podium D dan laluan berbumbung Bangunan Menara UMSKAL itu dirasmikan oleh Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Turut hadir menayakan program itu ialah isteri Dr

Murnizam, Hayati Salleh Baihaki yang juga Pengerusi Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) UMSKAL dan Pengarah Program Maizatul Rahim.

Seramai 60 orang menyertai program itu yang membabitkan mahasiswa dan kakitangan UMSKAL, penduduk dan usahawan tempatan di Labuan, beberapa usahawan sambilan di Sabah (Kota Marudu) dan seorang peserta dari Semenanjung (orang awam).

Program itu dianjurkan bersama Seanggun Bidadari Professional Academy (Puan Muna 'Izzah Fadzil - Pakar Runding Cara dan Runding

Imej Bertauliah) manakala penaja utama ialah Aidijuma BawalScarf, Kelantan BioTech Sdn Bhd, Narniaz Design Labuan, Tous Jours Malaysia, Zav_Cgo Collections dan Bena Sama Contractor Sdn Bhd.

Penyelaras program Nur Iman Reedzal berkata, program sehari itu bertujuan membangunkan usahawan bumiputera di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya dalam kalangan belia dan beliawanis serta siswawati siswi UMSKAL agar mereka lebih berinovasi dan berdaya saing dengan usahawan yang sedia ada pada hari ini.

Selain itu, untuk menerapkan isu-isu semasa tentang dunia realiti keusahawanan agar para usahawan tempatan berkembang dengan peredaran semasa dan sejajar dengan kehendak syariah.

"Program Inspirasi Keusahawanan bertujuan mendedahkan para usahawan tentang kemahiran tambahan seperti psikologi penampilan dan karisma berkomunikasi agar mereka tampil lebih berkeyakinan dalam memberikan impak yang baik kepada pelanggan," katanya ditemui selepas pertandingan itu.

Komposisi segmen program



Murnizam, Hayati (tiga kiri) dan Nur Iman (kiri) bersama Johan Pertandingan Bakat Hijab Styling.

itu terbahagi kepada dua iaitu Seminar Inspirasi Usahawan dan Project Hijabista Runway (Pertandingan Bakat Hijab Styling).

Sementara itu, dalam pertandingan Project Hijabista Runway, Johan menjadi milik Stylist Rena Natasha Mohd Ridhuan bersama Model, Nurhazwani Has sekaligus menerima hadiah wang tunai

sebanyak RM500.

Naib Johan, Stylist Norafiezah Zulkifli yang digayakan oleh model, Nuratikah Jumat meraih RM400.

Manakala tempat ketiga diraih Stylist Nurul Hazwani Norzaini bersama Model Nurikmah Jamal dengan hadiah RM300.

Nur Iman berharap

program itu dapat membuka ruang dan peluang kepada peserta mengenai bidang keusahawanan yang menjanjikan pendapatan yang lumayan.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menayakan program Inspirasi Usahawan UMSKAL 2015.



JURI memberikan ulasan peragaan peserta pertandingan.



MODEL lelaki menggayakan pakaian sempena program Inspirasi Usahawan UMSKAL 2015.



AJK Penganjur Inspirasi Usahawan UMSKAL 2015.